

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 20 NASIONAL 30/4/2025 (RABU)

KKM sahkan terdapat kluster ILI babitkan pelajar di Kedah

39 pelajar, kakitangan sekolah alami demam, batuk dan ruam selepas pulang kem

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

27 April 2025 01:00pm
Masa membaca: 1 minit



Laporan Sinar Harian mengenai jangkitan membabitkan pelajar dan kakitangan sebuah sekolah di Daerah Kuala Muda.

SUNGAI PETANI - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan wujud kluster *Influenza-Like-Illness* (ILI) dalam kalangan pelajar di sebuah institusi pendidikan di daerah itu.

KKM melalui satu kenyataan menjelaskan, merujuk kepada laporan media mengenai kejadian penyakit berjangkit melibatkan pelajar dan kakitangan institusi berkenaan.

Menurut kenyataan itu, PKD Kuala Muda mengesan kluster ILI dalam kalangan pelajar institusi terbabit pada 23 April lalu melibatkan 28 kes daripada 158 pelajar yang terdedah dengan kadar serangan 17.7 peratus.

"Enam daripada 28 kes telah disahkan positif *Influenza A* dan

telah dirawat di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani serta telah dibenarkan pulang ke rumah manakala 22 pelajar yang bergejala ILI telah menerima rawatan sebagai pesakit luar.

"Tindakan kawalan dan pencegahan oleh PKD dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah telah dilaksanakan termasuk siasatan persekitaran, penilaian risiko di kawasan kem, pengesanan kes secara aktif di institusi pendidikan berkenaan, rawatan serta pengasingan untuk kes bergejala dan pemantauan kes ILI di Daerah Kuala Muda," katanya.

Menurut kenyataan sama, pada 23 April 2025, PKD Kuala Muda juga telah menerima noti-

fikasi kejadian membabitkan seorang pelajar lelaki berumur 14 tahun dari institusi pendidikan yang sama.

"Pelajar tersebut mengalami gejala demam serta sakit badan terutamanya pinggul kanan pada 18 April 2025 selepas menghadiri sebuah program Kem Jati Diri selama dua hari di sebuah pusat rekreasi di daerah Yan, Kedah.

"Di samping itu, terdapat seorang kakitangan daripada institusi pendidikan sama mengalami gejala demam, kelesuan, batuk dan sakit badan sejak 17 April 2025," katanya.

Kedua-dua kes ini telah dimasukkan ke wad di HSAH dan berada dalam keadaan stabil.

Ujian yang telah dijalankan

menunjukkan kedua-dua kes adalah negatif untuk jangkitan virus *Influenza*.

Bagaimanapun, jelas kenyataan tersebut, punca berkecuali masih dalam siasatan.

Sebelum ini, media melaporkan kenyataan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Kedah, Mansor Zakaria bahawa terdapat 39 pelajar dan kakitangan sebuah sekolah di sini dikesan mengalami jangkitan akibat penularan penyakit berjangkit selepas pulang dari menyertai kem di Yan baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, penyakit berjangkit itu, setakat ini masih belum dikenal pasti.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 10 DI NEGERI 30/4/2025 (RABU)

Perdim bantah paparan harga ubat

Oleh JOHANNA
MUMTAZ WANPA

johanna.pa@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim) membantah cadangan penguatkuasaan paparan harga ubat di hospital dan klinik swasta bermula 1 Mei ini.

Presidennya, Dr. Boi Saidi B. Abd. Razak berkata, pelaksanaan dasar itu dilihat sebagai satu bentuk campur tangan yang tidak wajar oleh Kement-

terian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam sektor kesihatan.

Katanya, selain menimbulkan kekeliruan dalam penguatkuasaan, tindakan itu juga akan membebankan operasi pentadbiran klinik swasta.

“Penggunaan dua akta serentak yang mengawal selia perkhidmatan Klinik swasta akan menyebabkan pertindihan kuasa dan kekeliruan dalam pentadbiran. Ia juga memberi tekanan yang tidak

sepatutnya kepada pengusaha klinik.

“Campur tangan KPDN melalui Akta 723 tidak munasabah kerana tiada kawalan harga ubat di Malaysia. Malah, kami bimbang dengan risiko dikenakan kompaun atau hukuman penjara ke atas kesalahan kecil yang berlaku tanpa budi bicara,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam akhbar ini melaporkan, hospital dan klinik swasta akan memaparkan harga ubat

ubatan di fasiliti mereka bermula 1 Mei ini selaras dengan dasar ketelusan harga dalam perkhidmatan kesihatan.

Boi berkata, pihaknya bersama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) kesihatan lain turut berpandangan bahawa harga ubat sepatutnya ditentukan oleh klinik dan bukannya dikawal oleh agensi luar yang tiada autoriti perubahan.

Katanya, penguatkuasaan itu juga tidak akan memberi manfaat besar kepada pesakit dalam

mendapatkan maklumat sebenar kos rawatan di klinik swasta.

“Cadangan penguatkuasaan ini tidak membantu pengguna seperti yang disasarkan, lebih baik sekiranya dibuat di bawah pekeiling dalam Kementerian sahaja serta dilaksanakan secara pilihan oleh pemilik klinik.

“Langkah itu juga seharusnya tidak disandarkan pada mana-mana akta yang boleh membawa hukuman kompaun atau penjara,” katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : SPEAK UP

THE STAR M/S10 NATION 30/4/2025 (RABU)

Perks for health workers

Psychiatric, TB and leprosy carers to get RM100 every month

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Nurses, assistant medical officers, healthcare assistants and community nurses who care for psychiatric, tuberculosis (TB) and leprosy patients at Health Ministry facilities will be paid a monthly allowance of RM100.

Health Ministry secretary-general Datuk Seri Suriani Ahmad, in a circular, said this applies to officers who serve in special wards and is not confined to those serving at the National Leprosy Control Centre in Sungai Buloh or the Institute of Respiratory Medicine in Kuala Lumpur.

The incentive is extended to those serving at Health Ministry hospitals that provide such services, adding that the order took effect on Oct 1 last year.

To qualify for this allowance, officers will have to serve at leprosy or TB wards full time.

In March, five leprosy cases were reported in Selangor while nine cases were reported in Negri Sembilan in February.

Malaysia reported 26,183 TB cases in 2024, a marginal increase of 34 cases from 2023.

Around 21,959 of these infections involved Malaysians, which is lower than the 22,132 cases reported the year before.

According to the March 6 circular, there are a total of 61 hospitals nationwide with psychiatric wards.

While there are no specific hospitals listed out for leprosy, there are 19 hospitals with TB wards.

In another circular, Suriani said assistant medical officers who serve alone at health clinics in Sabah and Sarawak will qualify for a passive on-call allowance of RM100 monthly if they serve after office hours.

This order came into effect on Sept 1 last year.